

# Bank patut proaktif jana ekonomi

## Portfolio pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana wajar ditambah



**Meniti  
Arus**

Bersama

**Abdul Rahman Sulaiman**

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

B.H.M. 10  
16-02/07

Beliau berkata walaupun menghadapi saingan yang meningkat pada peringkat global, Malaysia terus mampu menarik pelaburan asing. Ia menunjukkan bahawa negara masih kompetitif dari segi kos sebagai pusat pembuatan dan eksport.

Hakikat ini amat bertentangan dengan persepsi umum bahawa negara kini sudah terkeluar daripada radar pelabur asing akibat saingan sengit daripada China, India dan Vietnam. Perlu diingat bahawa pelaburan yang Malaysia ingin pikat tidak serupa dengan jenis pelaburan di China, India atau Vietnam.

Di samping itu, pelbagai dasar dan program yang diperkenalkan akhir-akhir ini untuk mengekalkan daya saing negara juga sudah mula menunjukkan hasil.

Bagaimanapun, ia tidak bermakna bahawa negara harus berpuas hati dengan pencapaian setakat ini. Seperti dijelaskan pada awal tadi, ekonomi negara masih

berpotensi untuk berkembang pada kadar lapan peratus atau lebih seperti pernah dicapai sebelum 1997-1998.

Dengan kata lain, rakyat Malaysia boleh dan mampu menikmati kemakmuran yang pernah dirasai satu masa dulu kalau semua pihak terus bekerja keras.

Bagi kerajaan, usaha memperbaiki sistem penyampaian awam, meningkatkan modal insan, membina kapasiti dan pelbagai program yang sedang berjalan untuk mengekalkan daya saing negara perlu diteruskan.

Pelbagai projek yang sudah dan akan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dijangka akan memberi kesan limpahan yang menyeluruh kepada pelbagai lapisan rakyat dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Bagi pihak swasta, terutama di kalangan pelabur tempatan, ada keperluan

untuk mereka meningkatkan lagi pelaburan di samping berusaha keras untuk menambah keuntungan tanpa sebarang perasaan was-was mengenai hala tuju ekonomi negara.

Bank tempatan serta institusi kewangan lain hendaklah turut serta memainkan peranan dengan menambah portfolio pinjaman korporat terutama untuk sektor industri kecil dan sederhana daripada terus berlumba-lumba sesama sendiri menawarkan produk berisiko atau berisiko rendah seperti pinjaman perumahan, pinjaman peribadi atau kad kredit.

Mereka sendiri akan pasti menghadapi kerugian apabila liberalisasi sektor kewangan negara beroperasi penuh jika mereka terus menerus dihantui kebimbangan mengenai hutang tidak berbayar (NPL) seperti pernah dialami ketika krisis kewangan dulu.

Ia penting kerana kajian yang dibuat Bank Dunia baru-baru ini menunjukkan

**M**INGGU lalu, ruangan ini menyenaraikan beberapa petunjuk utama yang memberi sinar cerah bahawa ekonomi negara akan dapat terus berkembang secara mapan pada tahun-tahun akan datang sekiranya tiada malapetaka atau perkembangan di luar jangkaan di mana-mana tempat di dunia.

Juga ditekankan ialah hakikat bahawa kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sederhana tetapi menggalakkan yang direkodkan dalam dua tiga tahun kebelakangan ini masih lagi di bawah potensi sebenar ekonomi negara.

negara. Malaysia diramalkan mampu mencapai kadar pertumbuhan sekitar lapan peratus atau lebih setahun seperti pernah dinikmati pada tahun-tahun sebelum krisis keuangan melanda negara Asia pada 1997-1998 dengan syarat kerajaan mengamalkan beberapa langkah proaktif.

Sejak itu, pelbagai maklum balas dikeluarkan pihak berkuasa, selain ulasan positif oleh penganalisis tempatan bagi mengukuhkan keyakinan penulis bahawa negara kini berada pada landasan betul dan cita-cita melihat ekonomi Malaysia tumbuh 100 peratus seperti pada zaman pra krisis tidak jauh daripada genggamannya.

Antara petunjuk cukup memberangsangkan termasuk kejayaan negara mekarkan sejarah apabila nilai dagangannya mencecah RM1.069 trilion tahun lalu, peningkatan 10.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Di samping itu ringgit juga terus mengukuh sementara Indeks Komposit Bursa Malaysia dijangka terus kekal pada paras melebihi 1,200 mata sehingga akhir tahun ini.

Dari segi pelaburan langsung pula, tahun lalu menyaksikan angka yang juga mencecah rekod apabila sejumlah RM46 bilion dilaburkan dalam 1,077 projek pemuatan oleh para pelabur asing dan tempatan.

Jumlah ini menunjukkan peningkatan 8 peratus daripada RM31 bilion yang di laburkan pada 2005. Angka itu melepasi matlamat ditetapkan menerusi Pelan Industri Perindustrian Ketiga.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mengumumkan baru-baru ini bahawa projek yang diluluskan tahun lalu dijangka dapat mewujudkan 90,000 peluang pekerjaan baru.



**TAMBAH REZEKI:** Usahawan industri kecil perlu dibantu untuk kemakmuran ekonomi.

bahawa kemerosotan pengeluaran negara yang mendatar pada tahap purata 4.8 peratus dalam tempoh enam tahun lalu berpunca, antara lain, daripada tahap pelaburan swasta yang rendah, iaitu sekitar 11 peratus daripada KDNK sebenar; keuntungan korporat yang rendah dan kekurangan kewangan yang dihadapi syarikat kecil serta syarikat yang terbabit dengan sektor perkhidmatan.

Kebimbangan mengenai masa depan ekonomi negara yang membantutkan keyakinan pelabur tempatan selama ini nyata tidak berasas. Angka menunjukkan bahawa sejak dua tahun lalu, ekonomi dunia mampu berkembang pada tahap yang memberangsangkan di sebalik kenaikan harga minyak.

Secara purata, ekonomi dunia berkembang 4.9 peratus pada 2005 meningkat kepada 5.1 peratus tahun lalu. Unjuran tahun ini ialah 4.9 peratus.

Untuk negara berpendapatan tinggi seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan Singapura, kadar pertumbuhan yang dicapai dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini juga tidak terlalu teruk terjejas.

Bagi negara membangun seperti China, Indonesia, Filipina, Thailand dan Malaysia, kadar pertumbuhan KDNK masing-masing adalah lebih memberangsangkan daripada apa yang diramalkan sebelum ini.

Jelaslah bahawa dunia mampu membuat penyesuaian untuk menghadapi harga minyak yang tidak menentu dan pelbagai perkembangan lain.

**Penulis ialah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen. Kini sebagai Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara.**